

Empat parti Melayu sudah cukup

Dr Mahathir
 jelaskan isu
 pelawaan
 penyatuan
 Melayu

NINA FARZUIN MD
 SHAROM

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menasihatkan orang Melayu supaya tidak terus menubuhkan parti politik baharu hanya kerana mahu memegang jawatan.

Sebaliknya, beliau berkata, orang Melayu harus sedar dan belajar bahawa politik adalah satu masalah yang serius.

"Sudah ada empat parti Melayu, cukuplah. Tak payah buat sampai 20 hingga 30 parti lagi sebab nak jadi presiden parti. Buat parti sendiri, ada dua



Dr Mahathir (duaiuk di tengah) bersama pemimpin PH pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di Putrajaya semalam.

mereka boleh masuk parti mana pun yang sudah ada. Cukuplah ada empat buat parti cukup. Ini bukan sentimen rasis tapi kita kena menyelamatkan semua orang," katanya.

Pada sidang media sama, Dr Mahathir turut memberi respons terhadap kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menolok untuk menyertai Bersatu.

"Presiden tolaklah, ahli masuk. Presiden nak masuk pun kita tak bagi," katanya secara berseloroh.

Ketika diminta mengulas mengenai respons parti-parti komponen Pakatan Harapan (PH) berhubung kenyataannya yang mempelawa parti politik Melayu serai Bersatu, Dr Mahathir berkata, tiada sebarang masalah yang timbul.

"Rakan-rakan saya tidak mendapati saya ber salah dan tidak sebab saya tadi," katanya juga secara berseloroh.

masalah yang timbul.

"Bila nak jadi presiden, seronok nak buka parti dan semakin lama semakin banyak parti. Jadi lama-lama orang Melayu tidak ada kuasa langsung kerana cuma yang ada parti-parti kecil.

"Itu yang saya kata, buat kenyataan mempe lawa parti-parti politik Melayu di negara ini menyertai Bersatu bagi menguatkan kuasa politik bangsa tersebut.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, penubuhan lebih banyak parti tidak akan menyelesaikan

ang," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Pakatan Harapan (PH) di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini semalam.

Sebelum ini, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) mem-

orang. Seorang jadi presiden, seorang lagi naib presiden.

"Itu tak ada makna langsung. Orang Melayu harus belajar bahawa politik adalah masalah serius, bukan nak memuaskan hati mana-mana pihak tapi untuk berju-